

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan tentang penggunaan dron di Malaysia. Apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang khusus bagi memastikan penggunaan dron yang selamat di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengalakkan penggunaan dron bagi maksud menjalankan aktiviti-aktiviti penerbangan khas (*air specialty services*) seperti pertanian, pembinaan, *photography, surveying, observation and patrol, search and rescue, aerial advertisement* dan aktiviti-aktiviti lain yang bersangkutan.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui agensi pelaksana Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah membuat peraturan bagi mengawalselia penggunaan dron bagi memastikan tahap keselamatan yang telah ditetapkan,
3. Dron yang telah diklasifikasi sebagai *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)/ Unmanned Aircraft System (UAS)* (dengan izin) telah dikuatkuasa melalui *Aeronautical Information Circulars (AIC)* (dengan izin) Bilangan 4 Tahun 2008 (AIC 04/2008) bersekali dengan Akta Penerbangan Awam 1969. Selain itu, peraturan operasi UAS juga diperjelaskan dalam Bahagian XVI (enam belas), Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016 [P.U. (A) 97/2016]. AIC dan peraturan tersebut telah digubal selaras dengan perundangan antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*.
4. Berdasarkan AIC 04/2018 dan P.U. (A) 97/2016, mana-mana UAV/UAS yang mempunyai berat 20 kilogram ke atas wajib berdaftar dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (*Civil Aviation Authority Malaysia-CAAM*) dan perlu mendapat Sijil *Airworthiness* untuk tujuan operasi penerbangan.
5. Manakala, UAV/UAS kurang daripada 20 kilogram tidak disyaratkan untuk didaftarkan bawah CAAM. Namun, UAV/UAS tersebut adalah dilarang untuk membuat penerbangan di kawasan ruang udara terkawal, kawasan zon trafik *aerodrome* dan ketinggian melebihi 400

kaki dari permukaan bumi kecuali mendapat kelulusan daripada Unit Kawalan Udara yang berkaitan atau CAAM.

6. Individu yang bertanggungjawab dan mengendalikan sesuatu UAV/UAS hendaklah mengekalkan perhubungan visual secara langsung dan tanpa bantuan dengan UAV/UAS berkenaan supaya dapat mengawasi laluan penerbangannya berhubung dengan kapal udara lain, orang, kenderaan, vesel dan struktur bagi mengelakkan pelanggaran.
7. Selain itu, penggunaan UAV/UAS untuk tujuan pengawasan dan pengumpulan maklumat, iaitu *small unmanned surveillance aircraft* (dengan izin) juga perlu mendapat kelulusan daripada CAAM sekiranya UAV/UAS berkenaan digunakan di tempat-tempat yang telah ditetapkan (*designated area*) seperti kawasan perumahan, komersial, perindustrian dan rekreasi serta dalam lingkungan 150 meter daripada tempat-tempat tersebut. Selain itu, ianya juga melibatkan mana-mana perhimpunan di kawasan terbuka yang mempunyai jumlah seribu (1,000) orang ke atas dan lingkungan 150 meter dari perhimpunan tersebut.
8. Kelulusan juga perlu diperolehi untuk UAV/UAS bagi tujuan pengawasan jika melibatkan kawasan 50 meter daripada sesebuah bangunan, vesel, struktur dan kenderaan yang bukannya bawah penyeliaan individu yang mengendalikan UAV/UAS tersebut, 50 meter daripada mana-mana individu dan hendaklah 30 meter daripada mana-mana individu semasa pelepasan serta pendaratan UAV/UAS. Mana-mana UAV/UAS juga dilarang untuk beroperasi melangkaui sempadan sesebuah negara kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negara berkenaan.
9. Selain itu, pihak yang ingin menggunakan UAV/UAS untuk tujuan komersial juga tertakluk kepada seksyen 35 dan 36, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), di mana lesen dan permit perkhidmatan udara perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum UAV/UAS boleh digunakan untuk tujuan komersial.

NO. SOALAN: 47

10. Individu atau badan korporat yang menyalahi atau tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut boleh dikenakan hukuman penjara dan penalti denda.

Sekian, terima kasih.